

SYARAT-SYARAT BAGI PERMOHONAN SEBAGAI OPERATOR DANDANG STIM GRED 2 & GRED 1

1. KELAYAKAN **AM PERMOHONAN SEBAGAI OPERATOR DANDANG STIM **GRED 2 & GRED 1****

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- c. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP.

2. KELAYAKAN KHUSUS PERMOHONAN SEBAGAI OPERATOR DANDANG STIM GRED 2

Pilihan 1

- a. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM 2 dalam apa – apa bidang atau kelayakan setara; dan
- b. Mempunyai 2 tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan); dan
- c. Menghadiri kursus Operator Dandang Stim Gred 2 di Penyedia Latihan Berdaftar; dan
- d. Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 2 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf.

ATAU

Pilihan 2

- a. Mempunyai SKM 3 dalam bidang Dandang Stim; dan
- b. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan);
- c. Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 2 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf.

3. KELAYAKAN KHUSUS PERMOHONAN SEBAGAI OPERATOR DANDANG STIM GRED 1

- a. Mempunyai 6 bulan pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim sebagai Operator Dandang Stim Gred 2;
- b. Mendapatkan pengesahan dari majikan atau Jurutera Dandang stim Gred 1 bagi item (a) ; dan
- c. Menghadiri kursus Operator Dandang Stim Gred 1 di Penyedia Latihan Berdaftar; dan
- d. Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 1 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf.

4. KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN

OPERATOR DANDANG STIM

- a. Kelayakan seseorang yang ingin memperbaharui kompetensinya sebagai Operator Dandang Stim adalah berdasarkan kepada Seksyen 31E (1) Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Berdasarkan peruntukkan ini, ditetapkan kelayakan untuk permohonan pembaharuan sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua & Satu adalah seperti berikut:
 - i. Masih aktif menjalankan kerja sebagai Operator Dandang Stim dan disahkan oleh majikan; dan
 - ii. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP; dan
 - iii. Mempunyai majikan tetap; dan
 - iv. Tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
 - v. Tidak memperolehi pendaftaran atau pembaharuan melalui salah nyataan atau fraud.
- b. Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi Operator Dandang Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.
- c. Bagi mana-mana permohonan yang dihantar melebihi 12 bulan selepas dari tarikh tamat kompetensi, (dikira sebagai pendaftaran) akan diproses menggunakan prosedur pembaharuan dalam sistem berserta dengan penilaian khas.